

Isnin, Apr 23 2018

Mustahil tunai 10 janji 100 hari



PRU14
#jomundi

➔ Tawaran pembangkang di Kedah dianggap tidak realistik jika menang

Oleh Noorazura Abdul Rahman
cnews@nstp.com.my

Kubang Pasu

Tawaran pakatan pembangkang Kedah untuk Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) disifatkan sangat tidak realistik dan hanya angan-angan kosong yang tidak akan mampu dilaksanakan.

Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Othman Aziz, berkata pengesahan pakatan pembangkang Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir seharusnya lebih tahu adalah mustahil untuk mereka melaksanakan 10 daripada tawaran itu dalam tempoh 100 hari, jika berjaya membentuk kerajaan negeri.

Othman berkata, sebagai bekas Menteri Besar Kedah, Mukhriz sepatutnya lebih arif yang tawaran pembangkang, seperti menyelesaikan masalah bekalan air terawat di seluruh negeri dalam tempoh 100 hari adalah tidak realistik.

Malah, katanya ini terbukti apabila Mukhriz sendiri gagal menyelesaikan apa yang ditawarkan pembangkang itu dalam tempoh dua tahun memegang kuasa Menteri Besar.

"Sebagai contoh, dalam tawaran gabungan pembangkang, mereka mahu mengkaji semula pembabitkan ahli politik dalam Persatuan Bolasepak Kedah (KFA).

Bimbang KFA hancur lebur

"Jika mereka laksanakan perkara itu, saya yakin ia akan menyebabkan KFA hancur lebur dan jika Mukhriz ikhlas mengenai tawaran ini, kenapa ketika memegang jawatan Menteri Besar dulu, ia tak dilaksanakan?"

"Jelas sekali beliau sendiri sedar hakikat yang hanya ahli politik mampu melaksanakan tanggungjawab mencari tajaan untuk menampung keperluan KFA yang berjumlah RM30 juta setahun.

"Saya sendiri selaku Naib Presiden KFA bimbang sekiranya prestasi kita akan turut merosot seperti Persatuan Bolasepak Perlis (PFA) yang kini jatuh ke Liga FAM kerana masalah kewangan selepas tiada campur tangan (ahli) politik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai tawaran gabungan pembangkang Kedah yang dilancarkan semalam.

Dalam manifesto itu, pakatan pembangkang antara lain berjanji menyelesaikan masalah bekalan air terawat di negeri itu dalam tempoh 100 hari selepas memegang kuasa,

disamping akan memastikan pembayaran khairat kematian dibuat kepada waris dalam tempoh 24 jam selepas kematian.

Othman, yang juga penyandang kerusi Parlimen Jerlun berkata isu gangguan bekalan air di Kedah sudah hampir diselesaikan oleh kerajaan negeri selepas menerima pinjaman berjumlah RM1 billion dari Kerajaan Persekutuan.

"Bagaimana gabungan pembangkang kata mereka nak selesaikan isu ini sedangkan kerajaan negeri kini sudah hampir berjaya menyelesaikan masalah itu dengan menaik taraf loji rawatan air dan menukar paip yang dijangka selesai sepenuhnya menjelang 2020, dengan bantuan Kerajaan Pusat.

"Begitu juga dengan khairat kematian, mustahil mereka mampu menyerahkan bayaran dalam tempoh 24 jam, kerana prosesnya mengambil sedikit masa, jadi ia sangat tidak logik.

"Sebelum ini pun ada waris mati dari kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Hitam (yang diwakili Mukhriz) mendakwa tidak mendapat bayaran itu, tapi di mana wakil rakyatnya yang sepatutnya membantu pengundi beliau sebelum ini?" soalnya lagi.

Aku janji tujuh kluster bakal terlaksana

Menyentuh mengenai manifesto BN negeri yang turut diumumkan malam tadi, Othman yakin semua aku janji



[FOTO NOORAZURA ABDUL RAHMAN/ BH]

Othman menyerahkan bayaran bantuan khas pesawah kepada petani di kawasan Jerlun sempena Program Jom Turun Bendang @ Jerlun di Kampung Batu 4, Sanglang, semalam.

itu akan dapat dilaksanakan seperti kejayaan melaksanakan hampir 100 peratus manifesto yang ditawarkan pada PRU-13 lima tahun lalu.

Katanya aku janji berdasarkan tujuh kluster itu akan terlaksana jika rakyat terus memberi mandat kepada BN negeri untuk mentadbir negeri ini supaya terus selari dengan hasrat Kerajaan Persekutuan.

"Sebagai contoh pembangunan Zon Bebas Cukai di Bukit Kayu Hitam, ini semuanya akan terlaksana jika ada kerjasama erat antara kerajaan negeri dengan Kerajaan Pusat seperti sekarang, bagi merealisasikan hasrat mewujudkan 50,000 peluang pekerjaan kepada anak tempatan dan menjana pendapatan tahunan RM30 billion," katanya.